

19/04/2004

Pengalaman jadikan Pairin setia dengan BN

By Kalimullah Hassan

TAMBUNAN di Sabah adalah pekan kecil yang dilatari pemandangan indah dalam lingkungan Banjaran Crocker. Sungai Pegalan mengalirkan air sejernih kristal, pohon buluh melentur dan merimbun, udara nyaman serba menyegarkan serta suasana masyarakat petani yang miskin tetapi luhur budinya - itulah suasana yang menyambut kelahiran Joseph Pairin Kitingan pada 1940.

Daerah kebanggaan penduduknya itu adalah tempat bersemadinya Panglima Mat Salleh, pahlawan tempatan yang terkorban ketika menentang kuasa kolonial British pada awal kurun ke-20.

Bagaimanapun, tidak ramai yang menyedari bahawa si cilik Pairin akan muncul sebagai seorang lagi wira dan bertahun-tahun dari sekarang, pelbagai cerita mengenainya akan muncul yang lama kelamaan, mungkin bertukar menjadi legenda seperti Panglima Mat Salleh.

Pairin tidak sempurna. Beliau melakukan beberapa kesilapan dan terpaksa menanggung akibatnya. Sabah mempunyai ramai pemimpin pelbagai watak yang setiap satunya meninggalkan jejak tersendiri di negeri menawan penuh misteri ini.

Tokoh seperti Tun Datu Mustapha Harun - asalnya orang gaji yang menjadi pejuang kemerdekaan sebelum melonjak sebagai Gabenor dan akhirnya Ketua Menteri meninggal dunia dalam kesepian. Wira pertama suku Kadazan era pasca merdeka, Tun Fuad Stephens, dan timbalannya, Datuk Peter Mojuntin, terkorban dalam kemalangan udara tragis pada 1976. Datuk Harris Salleh yang sukar diramal tindakannya dan menggoncang politik Sabah selama lebih sedekad pada 1980-an, tidak lagi memiliki pengaruh besar.

Selepas mengharungi kerjaya politik 30 tahun yang menyaksikan beliau dihina, dipulaukan, didakwa atas tuduhan rasuah, pembantu dan adiknya ditangkap kerana kononnya merancang mengeluarkan Sabah dari Malaysia, Pairin yang kini berusia 64 tahun, kembali sebagai Timbalan Ketua Menteri Sabah dalam kerajaan Barisan Nasional (BN).

Beliau adalah 'Huguan Siou', pemimpin agung masyarakat Kadazandusun dan kedudukan itu disandang sepanjang hayat. Kata Pairin, beliau gembira "kerana dapat kembali semula."

'Perjalanan pulangnyanya' amat sukar dan dipenuhi perangkap periuk api. Sambil duduk bersandar di pejabat dua tingkat serba sederhana di bangunan kerajaan Sembulan, Datuk Panglima Joseph Pairin Kitingan mengimbas kenangan lalu dan meluahkan apa yang terbuku di pemikirannya.

"Kami tidak sepatutnya meninggalkan BN. Kami gembira kerana dapat kembali. Kini, kami mampu memberi perkhidmatan lebih baik kepada rakyat."

Selepas mendapat ijazah perundangan di Australia atas biasiswa kerajaan, Pairin kembali ke tanah air dan menjadi peguam pertama daripada suku Kadazan di Sabah. Dalam keadaan masyarakatnya yang serba ketinggalan dan dipinggirkan seperti suku lain di negeri itu ketika zaman pemerintahan British, masyarakat Kadazandusun amat menyanjungi Pairin.

Bersikap idealistik dan kecewa dengan kuasa berlebihan kerajaan negeri yang ketika itu diterajui Pertubuhan Kebangsaan Bersatu Sabah (Usno), Pairin menyertai pemimpin sealiran seperti Stephens, Mojuntin dan Harris dalam membentuk parti Berjaya yang mendapat sokongan Kerajaan Persekutuan untuk bertanding pada pilihan raya negeri 1976.

Berjaya menang dan Pairin menjadi seorang daripada pembantu muda kepada menteri dalam kerajaan yang sedia membawa pembangunan serta memperbaiki nasib rakyatnya.

Malangnya, tragedi kapal terbang terhempas meragut nyawa hampir separuh

daripada kepemimpinan negeri dan Harris dilantik sebagai Ketua Menteri. Pairin menjadi menteri manakala masyarakatnya mengangkat pemimpin muda itu sebagai Huguan Siou.

Mungkin Pairin bergerak terlalu pantas. Mungkin juga beliau tidak sabar untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Kadazandusun. Beliau mempunyai reputasi sebagai pemimpin gigih memperjuangkan nasib suku kaumnya dan dalam suasana hanya slogan melambangkan pelbagai kaum diterima dalam perhimpunan, rakannya di Berjaya mula menganggap Pairin sebagai chauvinis.

Ketika Kongres Berjaya pada 1983, Pairin yang ketika itu menjadi naib presiden, menyampaikan ucapan yang memberi tumpuan terhadap rintihan masyarakat Kadazandusun. Berang mendengar nada suara Pairin, Harris mengarahkannya berhenti daripada berucap.

Pairin berjalan ke arah Presiden Berjaya itu untuk meminta maaf tetapi di depan perwakilan dan pucuk pimpinan parti, Harris tidak mengendulkannya lalu berkata: "Lebih baik awak meletak jawatan."

Selepas sekian lama dihina, Pairin yang dikenali dengan sikap lemah lembut akhirnya hilang sabar.

"Saya kata baiklah... saya meletak jawatan. Saya capai kertas ucapan lalu meninggalkan dewan dan sebaik melangkah keluar, perwakilan dari Tambunan mengikut tindakan saya," katanya.

Tindakan itu mencetuskan perdebatan umum. Akhirnya, Berjaya menghantar surat peletakan jawatan yang terpaksa ditandatangani semua wakil rakyatnya dan mengosongkan kerusi Tambunan milik Pairin bagi membolehkan pilihan raya kecil diadakan.

Pada pilihan raya negeri 1981, Berjaya memenangi hampir 90 peratus daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah dan ketika itu, sukar bagi sesiapa membayangkan calon Bebas mencatat kemenangan menentang lawan daripada Berjaya.

Namun, pada 30 Disember 1984, penduduk Tambunan memberi sokongan padu kepada anak watannya dan Pairin mudah menewaskan anak saudaranya, Roger Ongkili, untuk kembali merampas kerusi Tambunan sebagai wakil rakyat Bebas.

Sukar menerima kekalahan partinya, Harris menghukum penduduk Tambunan. Beliau membatalkan status daerah bagi kawasan itu, sekali gus memaksa mereka yang mempunyai urusan dengan jabatan kerajaan untuk ke Keningau yang lebih sejam perjalanan melalui laluan berbatu tidak berturap.

Semua projek pembangunan dibatalkan manakala pembinaan bangunan kerajaan dihentikan separuh jalan. Dalam sekelip mata, Tambunan menjadi pekan mati.

Pada masa sama, Pairin membuat permohonan untuk menubuhkan parti baru. Berjaya yang dapat menghidu akan timbul beberapa masalah, membubarkan DUN setahun lebih awal bagi mengadakan pilihan raya pada April 1985.

Apabila tidak menerima jawapan terhadap permohonannya, Pairin mendapat tahu Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Tan Sri Musa Hitam, berada di Boston. Buat pertama kalinya, beliau terbang ke Amerika Syarikat untuk merayu supaya Musa yang juga Menteri Dalam Negeri, mendaftarkan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Musa tidak berjanji tetapi pada 6 Mac - beberapa minggu sebelum pilihan raya - Pairin menerima kelulusan yang dinantinya. PBS memenangi pilihan raya negeri dengan majoriti mudah tetapi Pairin terpaksa menunggu untuk menjadi Ketua Menteri. Harris membawa Berjaya bergabung dengan Usno dan pergi ke istana bersama Mustapha bagi membolehkan Presiden Usno itu mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri.

Musa yang menjadi Pemangku Perdana Menteri ketika itu campur tangan dan menghentikan proses berkenaan. Pairin mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri lewat malam terbabit.

Sepanjang beberapa tahun berikutnya, Sabah dirundung pelbagai masalah - tunjuk perasaan, letupan bom dan ketidakstabilan hinggalah PBS diterima ke

dalam BN. Bagaimanapun, hubungan Sabah dengan pimpinan Pusat tidak sebaik mana.

Pada petang menjelang Pilihan Raya Umum 1990, PBS yang diterajui Pairin melakukan tindakan yang sukar dimaafkan - parti itu keluar daripada BN dan menyatakan sokongan kepada pesaing Tun Dr Mahathir Mohamad iaitu Tengku Razaleigh Hamzah, yang membentuk pakatan baru bersama Pas.

PBS menang. Tengku Razaleigh tewas. BN masih berkuasa pada peringkat Pusat. Di situlah bermulanya era kejatuhan Pairin dan PBS.

Mengapa keluar daripada BN? Mereka yang baru menceburi politik pun akan memberitahu Pairin bahawa ia tidak sepatutnya berlaku.

Pairin menerima akibatnya. Beliau berkata, pemimpin kanannya - Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Yong Teck Lee - berkeras mendesak memberi pelbagai alasan supaya PBS berpisah daripada BN.

"Sentimen menentang pemimpin Pusat meluap-luap dan kami berpendapat jika PBS kekal dalam BN, rakyat akan menyokong DAP untuk melepaskan kemarahan.

"Saya terpengaruh dengan alasan itu dan bersetuju keluar daripada BN," katanya.

Adakah beliau menyesali tindakan itu?

Pairin terdiam sejenak sebelum menjawab: "Ya... dan tidak."

Ya, kerana beliau mahukan hubungan baik dengan kepimpinan Pusat dan menyedari ia adalah tindakan yang salah.

Tidak, kerana jika bukan tindakan itu, beliau dan partinya serta pucuk pimpinan Kerajaan Pusat tidak mungkin dapat membuat penilaian mengenai sesama sendiri dengan baik. Pada akhirnya, mereka dapat mengetepikan salah faham dan prasangka untuk kembali bersama sebagai keluarga pada 2002.

Tahun-tahun berselang menyaksikan Pairin didakwa atas tuduhan rasuah, pembantunya seperti Benedict Topin, Datuk Dr Maximus Ongkili dan adiknya, Jeffrey ditangkap mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana didakwa cuba memisahkan Sabah daripada Malaysia, PBS kehilangan Yong, Dompok dan Datuk Joseph Kurup yang membentuk parti lain serta akhirnya, PBS tewas kepada Umno pada pilihan raya.

Penyudahnya, PBS menjadi parti pembangkang contoh - menyokong dasar BN jika sehaluan dan menentang kalau sebaliknya. Jurang perbezaan semakin berkurangan manakala persamaan kian ketara apabila PBS terus menyokong peraturan serta dasar BN.

Selepas berfikir panjang, pada 2001, Pairin dan Maximus sependapat mereka hanya mampu memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan Sabah menerusi BN. Mereka memulakan langkah dengan menemui Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bagi mencari jalan kembali ke dalam BN.

Beberapa bulan selepas berbincang dengan pembantu Abdullah dan Dr Mahathir Mohamad, Pairin dan Maximus akhirnya mendapat temu janji pada November 2001. Dalam beberapa hari, mereka akan menemui Perdana Menteri dan Pengerusi BN bagi menyerahkan permohonan menyertai BN semula.

Mereka gementar. Resah. Terlalu banyak sudah diperkatakan sepanjang 11 tahun sejak perpisahan pada 1990 dan mereka tidak dapat membayangkan reaksi Dr Mahathir.

Kedua-duanya lebih awal sampai dan meminta untuk berjumpa Abdullah sebelum menghadiri temu janji jam 5 petang bersama Perdana Menteri. Abdullah menjamu mereka nasi kandar tengah hari itu dan menasihatkan Pairin dan Maximus supaya bersabar kerana Dr Mahathir adalah seorang yang "baik hati dan lembut" dan mereka wajar mendengar nasihatnya.

Setiausaha Politik Dr Mahathir, Datuk Johari Baharom, yang berperanan besar dalam rundingan membawa balik PBS ke dalam BN, memberitahu pemimpin PBS itu mereka mempunyai 10 minit bersama Dr Mahathir.

Menurut Pairin, beliau berasa terharu ketika melangkah masuk ke pejabat Perdana Menteri bersama Maximus. Sepuluh minit berlalu dan kumpulan

pegawai serta wartawan yang menunggu tidak melihat kelibat Pairin. Detik berlalu dan semua pihak menanti dalam kegelisahan.

Akhirnya, 40 minit kemudian, Dr Mahathir membuka pintunya, berjabat tangan dengan Pairin dan Maximus lalu melambai ke arah kedua-duanya. Melihat perkara itu, Johari menghela nafas lega sambil berkata: "Dr Mahathir jarang mengiringi tetamunya hingga ke pintu. Segalanya sudah beres."

Selepas menghadiri sidang media, Pairin pulang ke tempat penginapannya di Hotel Equatorial. Dalam kereta, beliau menangis.

Dr Mahathir tidak mengenakan sebarang syarat. Kata Pairin, apa yang dimahukan oleh Perdana Menteri ialah supaya rakyat negara ini bersatu "dan beliau menerima kami dengan tangan terbuka."

Pairin tidak dapat melupakan suasana dalam pejabat Perdana Menteri ketika itu yang sarat dengan emosi.

"Pertemuan itu lebih lama daripada sepatutnya. Beliau memberi kekuatan kepada kami dan keyakinan dan kami percaya dengan apa yang dikatakannya.

"Ada ruang di pemikiran kami yang mengatakan kami tidak sepatutnya meninggalkan BN. Kami amat emosional ketika itu. Anda boleh menangis...", kata Pairin.

Tiga bulan selepas itu, Dr Mahathir berjaya meyakinkan parti komponen BN untuk menerima PBS kembali dan pada pilihan raya umum bulan lalu, PBS membuktikan kesungguhannya dan memenangi semua kerusi yang ditandinginya.

Pairin menjadi Timbalan Ketua Menteri dan Maximus dilantik Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap perpaduan dan integrasi nasional.

Bagaimana rasanya sekarang?

"Kami ingin terus melangkah. Masa akan menentukan dan kami akan menjadi sahabat yang setia. Kami akan terus berkhidmat kepada rakyat. Dalam BN, kami mampu melakukannya dengan lebih baik."

Selepas 30 tahun, Joseph Pairin Kitingan dari Tambunan kini kembali ke tempat asalnya.

(END)